

Keganasan: Tentera asing tidak diperlukan

UM 19 JAN 2002

JITRA 18 Jan. — Malaysia tidak memerlukan bantuan tentera asing untuk menangani masalah keganasan di dalam negara kerana mampu menyelesaikannya sendiri, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Kifa tidak akan minta tentera dari negara lain untuk eeleasikan masalah keganasan. Kita juga tidak perlu nasihat daripada mereka kerana undang-undang kita sudah mencukupi," katanya.

Perdana Menteri berkata, nereka yang disyaki terlibat dengan keganasan telah pun ditangkap dan ditahan untuk dipulihkan

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berharap tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani keganasan di negara ini tidak akan dianggap sebagai "sandiwar" oleh pembangkang.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis jamuan Hari Raya bersama penduduk dan kakitangan kerajaan yang bertugas dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu,

di Institut Perguruan Darulaman, di sini hari ini.

Kate beliau lagi, kerajaan bertanggungjawab terhadap soal keelamatan dan tidak mengira siapa yang terlibat, mereka akan didakwa.

"Kita bertanggungjawab melindungi majoriti rakyat negara ini yang mematuhi undang-undang dan cmtakan keamanan," kata Dr. Mahathir.

Dalam perkembangan yang sama, beliau menolak dakwaan yang menyatakan tangkapan terhadap anggota kumpulan militan KMM bertujuan untuk melumpuhkan parti pembangkang di negara ini.

"Memang benar terdapat ahli dan pemimpin kecil parti pembangkang yang menganggotai kumpulan militan KMM yang ditangkap oleh pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan hendak melumpuhkan pembangkang sudah tentu pemimpin-pemimpin kanan mereka yang ditangkap, tetapi kerajaan tidak melakukannya.